

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN (BAKRI)
TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN (BAKRI) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini rangkaian Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penggubalan Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga (*Energy Efficiency and Conservation Act –EECA*) bertujuan untuk mewujudkan satu kerangka perundangan kecekapan tenaga yang komprehensif bagi mengawal selia, menguatkuasa, menyelaraskan dan melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga termasuk tenaga termal.

Proses penggubalan RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga kini telah memasuki fasa akhir, di mana draf RUU tersebut sedang dalam proses dimuktamadkan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan pembentangan di Parlimen. Pihak Kementerian menjangka bahawa RUU Kecekapan dan Konservasi Tenaga tersebut dapat dibentangkan semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas.

Sekian, terima kasih.